

Soalan No:16

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 31.10.2017

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pada tahun 2012, Kementerian Pendidikan mendapati bahawa hanya 50% daripada Guru Bahasa Inggeris di sekolah menengah dan 25% guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah mencapai tahap Ujian Penempatan Cambridge (CPT). Kementerian Pendidikan kemudian telah memperkenalkan latihan insentif untuk guru-guru ini. Sehingga ini, berapakah peratus daripada guru-guru kita telah mencapai tahap CPT sekurang-kurangnya C1.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

*Cambridge Placement Test (CPT)* adalah ujian secara atas talian yang cepat, tepat dan boleh digunakan untuk mengetahui tahap keupayaan umum bahasa Inggeris. Ujian ini dibangunkan oleh Cambridge English, United Kingdom dan telah diguna pakai di peringkat antarabangsa. CPT sesuai digunakan untuk mengenal pasti guru berdasarkan tahap keupayaan umum bahasa Inggeris bagi menentukan kaedah dan jenis intervensi yang sesuai bagi meningkatkan keupayaan guru Bahasa Inggeris.

15

Pada tahun 2012, seramai 56,754 orang guru yang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan sekolah menengah telah mengambil ujian CPT. Daripada jumlah tersebut, seramai 12,380 atau 22.61 peratus orang guru BI telah mencapai tahap C1.

RJM23